

# Keadaan di Bosnia semakin runcing: PM

# Beri Malbatt senjata

Oleh Lichong Angkui

GENTING HIGHLANDS, Isnin — Malaysia hari ini mendesak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) membekalkan senjata kepada tentera Batalion Malaysia (Malbatt) di Bosnia-Herzegovina berikutan ancaman pengganasan Serb meneruskan peperangan sekalipun tidak lagi menerima bantuan Serbia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata desakan itu dibuat kerana keadaan di negara bekas Yugoslavia itu semakin meruncing dan kemungkinan tercetus peperangan pada bila-bila masa.

"Kita sudah meminta PBB supaya tentera kita dilengkapi dengan segala senjata diperlukan memandangkan peranan PBB di Bosnia akan bertukar iaitu daripada pasif kepada aktif dan mengambil tindakan menyerang pihak Serb.

"Sekarang pengganasan Serb tidak lagi dibantu Serbia dan sepatutnya PBB tidak lagi khuatir bahawa sebarang tindakan PBB akan menyebabkan tercetusnya perang dunia ketiga," katanya menjawab soalan pemberita selepas berucap pada Mesyuarat Ketua-Ketua Perwakilan Malaysia di

sini, hari ini.

Dr Mahathir ditanya apakah langkah terbaru Malaysia dalam menangani konflik di Bosnia-Herzegovina berikutan tindakan pemimpin Serb, Radovan Karadzic berkeras meneruskan peperangan.

Laporan dari Sarajevo semalam menyebut semua penduduk tidak kira agama atau kewarganegaraan menyertai tentera sebagai persiapan untuk berperang.

Karadzic dilaporkan membuat ancaman itu selepas Serb terpaksa menyerahkan semua senjata berat yang dirampas dari sebuah pusat pengumpulan senjata bagi mengelak serangan udara Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (Nato).

Ketika ini, ada kira-kira 1,500 anggota Malbatt di Bosnia-Herzegovina dan mereka hanya dilengkapi senjata ringan.

Ditanya apakah perincian kerajaan terhadap anggota Malbatt terbabit, Dr Mahathir berkata: "Kita hendak mereka bersiap sedia, tetapi bekalan senjata hendaklah datang dari PBB."

Sehubungan itu, katanya, kerajaan menghantar permintaan kepada Setiausaha Agung PBB,

Boutros Boutros-Ghali, supaya anggota tentera yang menyertai misi pengaman dibekalkan senjata.

"Bagaimanapun, mereka (pimpinan PBB) menyatakan bahawa untuk askar pengaman, tidak perlu (senjata).

"Tetapi berdasarkan keadaan sekarang yang meningkat kepada bentuk tekanan dan ancaman, mungkin mereka akan menimbang semula dan kita mendesak PBB memberi senjata yang mencukupi," katanya.

Mengenai permintaan Presiden Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO), Yasser Arafat, supaya Malaysia meneruskan bantuan kepada Palestin, Dr Mahathir berkata, kerajaan tetap komited membantu mereka.

"Kita sedia membantu seberapa yang boleh supaya kesanggupan PLO mengadakan perjanjian itu tidak disia-siakan dengan tindakan Israel tidak mahu patuh kepada perjanjian yang dibuat," katanya.

Semalam Arafat berkata, Malaysia adalah di antara negara yang jujur membantu Palestin dan usaha itu perlu diteruskan.